

14/07/1998

Program kesedaran Aids di peringkat akar umbi

SHAH ALAM, Isnin - Masyarakat diminta lebih prihatin dan membuang prasangka buruk terhadap penghidap HIV dan Aids supaya program kesedaran dapat dilaksanakan pada semua peringkat termasuk di akar umbi.

Presiden Majlis Aids Malaysia, Datin Paduka Marina Mahathir, berkata anggapan negatif terhadap pesakit perlu dikikis supaya dapat meringankan beban golongan itu.

"Masyarakat sentiasa menganggap penghidap HIV dan Aids mempunyai moral yang rendah dan ini menyulitkan program kesedaran yang dijalankan di seluruh negara," katanya pada sidang akhbar selepas melancarkan Kempen Minggu Kesihatan Johnson & Johnson Medical MFG Sdn Bhd, hari ini.

Kempen Minggu Kesihatan ketiga itu bertujuan memupuk kesedaran kesihatan pekerja dan ahli keluarga mereka.

Pelbagai program diadakan sepanjang minggu itu termasuk ceramah, kempen derma darah, demonstrasi pertolongan cemas dan pameran.

Turut hadir Pengarah Urusan Johnson & Johnson Medical MFG Sdn Bhd (Medical MFG), William Robert Solohub dan Pengarah Sumber Manusia Medical MFG, Nora Liza Khalid.

Menurut Marina, kesedaran dan pengetahuan yang kurang mengenai Aids menyebabkan masyarakat terutama ahli keluarga menyisihkan pesakit Aids.

(END)